

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : SUMBANGAN KEPADA PRA-SEKOLAH "PRE-SCHOOL" (KERAJAAN
DAN SWASTA) DI DUN KOTA DAMANSARA N39 OLEH KERAJAAN
NEGERI SERTA AGENSI KERAJAAN (MBI DAN LAIN-LAIN)**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah nama penuh, alamat serta nombor (pejabat atau lain-lain) Pra-Sekolah tersebut untuk rujukan?
- b) Berapa sumbangan yang telah dan akan diberikan kepada Pra-Sekolah di N39 untuk tahun ini dan 5 tahun yang lepas (2014-2018)?
- c) Untuk apakah dan bila (jika ada) sumbangan tersebut diberikan ?

JAWAPAN:

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA (BPSM), SUK**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PUSAT TAHFIZ UNISEL

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pencapaian pelajar setelah 3 tahun beroperasi?
- b) Adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang baik (infra, guru terlatih) serta pembiayaan kepada pelajar yang dhaif?

JAWAPAN:

- a) Smart Tahfiz Masjid UNISEL mula beroperasi sepenuhnya di dalam kampus UNISEL Bestari Jaya pada 31 Januari 2017.

Tahun	: 2017
Jumlah Calon SPM	: 48 orang
Jumlah lulus	: 38 orang
Jumlah layak Masuk IPT	: 30 orang

Tahun	: 2018
Jumlah Calon SPM	: 109 orang
Jumlah Lulus	: 108 orang
Jumlah layak masuk IPT	: 94 orang

Tahun	: 2019
Jumlah Calon SPM	: 106 orang
Jumlah lulus	: peperiksaan belum berjalan
Jumlah layak masuk IPT	: peperiksaan belum berjalan

- b) Dewan Negeri Selangor telah meluluskan pembentangan Belanjawan 2018 oleh YAB Dato Menteri Besar Selangor (Dato' Seri Azmin Ali) yang memperuntukan RM2.0 juta kepada program Smart Tahfiz UNISEL. Namun sepanjang 2018, pihak Smart Tahfiz hanya menerima RM500,000.00 sahaja. Sehingga ke hari ini, baki RM1.5 juta masih belum diterima. Bagi peruntukan 2018 yang diberikan ini, Smart Tahfiz Masjid UNISEL dapatlah melengkapkan beberapa kemudahan baru seperti berikut :

Bilik perpustakaan baru ;
Kantin sekolah yang baru;
Bilik guru yang baru;

Peralatan pejabat, kelas dan perabut untuk bilik guru baru (kerusi meja dan komputer);

Makmal komputer yang baru;

Latihan keguruan (3 kali siri sejak 2018);

Sistem pendaftaran online dan portal prestasi pelajar khas untuk waris;

Bimbingan guru pakar untuk semua subjek aliran sains, perniagaan dan agama.;

Tambahan guru sepenuh masa yang ada ijazah keguruan terlatih.

Adalah diharapkan dengan adanya baki peruntukan sebanyak RM1.5 juta itu, dapatlah perpustakaan baru dan makmal komputer dilengkapi sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : UNISEL

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos pembaikan ketika kerosakan beberapa tahun dahulu sehingga menyebabkan pelajar terpaksa berpindah ke Kota Puteri?
- b) Adakah kos tersebut di atas ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri atau ianya dibebankan kepada UNISEL ?
- c) Untuk penyelenggaraan dengan baik dan cekap, tidakkah Kerajaan Negeri perlu memberi pembiayaan tahunan "CAPEX" dan "APEX"?

JAWAPAN:

- a) Kos Pembaikan kerosakan adalah sebanyak **RM60 juta**.
- b) Kos tersebut **ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor** dan UNISEL tidak dibebankan dengan tanggungjawab membayarnya.
- c) Untuk memastikan penyelenggaraan bangunan UNISEL dapat dibuat dengan baik dan cekap, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi peruntukan tahunan melalui CAPEX dan OPEX berdasarkan permohonan daripada UNISEL. Pihak Kerajaan Negeri akan menapis permohonan itu dan akan memberi peruntukan yg sewajarnya sesuai dengan status universiti dan sebagai satu-satunya universiti milik Kerajaan Negeri Selangor.

Berkaitan dengan CAPEX, Kerajaan Negeri lazimnya memberi peruntukan bagi membolehkan pihak universiti mengurus hal ehwal pembangunan. Bagi OPEX pula, Kerajaan Negeri menggalakkan universiti supaya menjana pendapatannya sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : NGO-NGO DI KOTA DAMANSARA N39 YANG MENERIMA
SUMBANGAN DARI KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI-
AGENSI, ANAK SYARIKAT (MBI DAN LAIN-LAIN)**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah nama penuh NGO-NGO dan alamat yang telah menerima sumbangan tersebut?
- b) Siapakah jawatankuasa dan nombor telefon (untuk rujukan) yang mengurus NGO tersebut?
- c) Untuk apakah sumbangan tersebut diberikan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 4/2019 yang bersidang pada 15 Februari 2019 dan disahkan pada Mesyuarat MMKN Ke 5/2019 pada 20 Februari 2019, Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan pindaan agihan peruntukan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebanyak RM500,000.00 setahun kepada 10 orang YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan agihan RM50,000.00 bagi setiap seorang.

Mengikut rekod di bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan, tiada sebarang permohonan dan penyaluran peruntukan diberikan kepada NGO yang beralamat di Kota Damansara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PROGRAM "WORK FROM HOME" BAWAH JAWATANKUASA TETAP
PEMBERDAYAAN WANITA DAN KELUARGA**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah peserta-peserta projek perintis yang melibatkan penyertaan seramai 87 orang peserta dipilih untuk program *Work From Home*?
- b) Apakah pencapaian utama yang berjaya dicapai oleh 87 orang peserta program perintis *Work From Home* selepas menyertai program ini?
- c) Senaraikan syarikat-syarikat yang bekerja sama dengan Kerajaan Negeri dalam program *Work From Home* dan apakah jenis ruang pemasaran yang disediakan oleh mereka?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga telah menjalankan projek rintis yang pertama bagi *Work From Home* (WFH) iaitu penganjuran Program Seri Tanjung : Kursus Jahitan Manik Peringkat Negeri Selangor yang telah diadakan pada 26 hingga 30 November 2018. Sesi pemilihan peserta bagi program tersebut diadakan pada 21 November 2018 di Bangunan SUK Selangor dengan kerjasama daripada penyelia-penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) bagi 56 DUN seluruh Selangor. Seramai 300 orang peserta KISS telah disaring dan hanya 100 orang sahaja yang terpilih dan layak berdasarkan saringan jahitan yang dilakukan oleh syarikat Cosry Wise (M) Sdn Bhd. Namun, hanya 87 orang sahaja yang menghadiri kursus tersebut sehingga hari terakhir.
- b) Buat masa ini, pencapaian para peserta yang terlibat masih bersifat sendiri di mana ada di kalangan peserta yang telah mula menerima tempahan jahitan dari rumah. Walau bagaimanapun, pencapaian ini belum berlaku secara menyeluruh kerana pihak syarikat yang mengendalikan projek rintis ini belum menyediakan peluang pekerjaan seperti yang dijanjikan berikutan kekangan modal yang mereka hadapi. Kerajaan Negeri juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak syarikat bagi mengenalpasti permasalahan yang dihadapi dan memastikan agar penambahbaikan dibuat dan peluang pekerjaan kepada para peserta oleh pihak syarikat dipenuhi.

c) Senarai syarikat yang telah dan akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam program *Work From Home* (WFH) serta ruang pemasaran yang disediakan adalah seperti berikut :

- i. COSRY WISE (M) SDN BHD
Memasarkan produk yang dihasilkan oleh peserta melalui rangkaian perniagaan di bawah kelolaan syarikat COSRY WISE (M) SDN BHD.
- ii. NICKS CREATION ACADEMY
Memasarkan produk yang dihasilkan oleh peserta melalui rangkaian perniagaan di bawah kelolaan syarikat NICKS CREATION ACADEMY.
- iii. SRIKANDI SKILL COLLEGE
Memasarkan produk yang dihasilkan oleh peserta melalui rangkaian perniagaan di bawah kelolaan syarikat SITI KHADIJAH.
- iv. PERSATUAN e-SKILL WANITA (PELITA)
Memasarkan produk yang dihasilkan oleh peserta melalui rangkaian usaha sama syarikat tempatan di bawah kelolaan persatuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PENERANGAN SECARA TELITI MENGENAI PROJEK K-INOVASI

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila terangkan apakah Projek K-Inovasi yang dilaksanakan di Pangsapuri Kenanga Gombak dan JMB Iris, Saujana Utama secara terperinci dan apakah jenis bantuan yang telah diberikan kepada pihak JMB?
- b) Apakah Pusat Kitar Strata?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Projek K-Inovasi yang dilaksanakan di Pangsapuri Kenanga Gombak ialah **Pusat Kitar Strata** manakala JMB Iris atau Pangsapuri IRIS, Saujana Utama pula ialah **E-Payment (e-pay)**.

- i) **Pangsapuri Kenanga Gombak** telah melaksanakan projek K-Inovasi **Pusat Kitar Strata** yang berkonsepkan pusat kitar semula di bangunan bertingkat / berstrata. Ia melibatkan transaksi berasaskan kupon (tiada penggunaan wang tunai). Kupon yang diterima oleh penjual barangan kitar semula akan ditebus untuk pembayaran caj penyenggaraan bulanan mereka atau penukaran barang keperluan di kedai runcit yang telah ditetapkan oleh pihak JMB.

Pihak JMB dan peruncit akan mengemukakan kupon yang telah digunakan untuk pembayaran caj penyenggaraan atau pembelian barangan kepada penyedia pusat kitar strata (JMB) untuk penebusan wang tunai. Wang hasil penjualan barang kitar semula kepada peraih digunakan bagi pembayaran tunai kepada JMB atau Peruncit dan lebihan adalah tabungan pihak JMB dan modal pusingan pusat kitar semula ini.

Projek K-Inovasi ini tercetus apabila terdapat masalah-masalah seperti berikut :

- Pemilik unit lewat / tidak membayar caj penyenggaraan bulanan mereka;
- Tiada kerjasama dikalangan penduduk pangsapuri;
- Aktiviti vandalisme;
- Penduduk yang terlalu ramai;
- Ruang rumah sampah yang terhad;

- Ruang parkir kereta yang terhad;
- Kacau ganggu haiwan liar;
- Jawatankuasa JMB kerap bertukar-tukar;
- Pengurusan sampah yang kurang efektif;
- Kutipan sampah oleh kontraktor majlis kurang berkesan; dan
- Sampah domestik dan pukal tidak diasingkan.

Antara objektif projek K-Inovasi ini ialah :-

- Mewujudkan sistem pengurusan sampah yang lebih baik dan sistematik;
- Meningkatkan prestasi pembayaran semasa caj penyenggaraan;
- Memberi nilai tambah kepada penduduk atas usaha mengasingkan sisa sampah harian mereka;
- Membentuk sikap menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah merata-rata; dan
- Mewujudkan sumber pendapatan sampingan kepada JMB / MC.

Hasil daripada pelaksanaan projek K-Inovasi ini ialah :-

- ✓ Kutipan caj penyenggaraan JMB terus meningkat dari semasa ke semasa;
- ✓ Pengurangan pengumpulan sampah dan pengurangan penggunaan tong sampah (leach bin) di rumah sampah;
- ✓ Rumah sampah lebih terurus dan bersih apabila sampah sisa dan sampah yang boleh dikitar semula diasingkan; dan
- ✓ Mendisiplinkan penduduk dan tiada lagi sampah yang berteraburan di persekitaran pangsapuri ini.

ii) **JMB Iris atau Pangsapuri IRIS, Saujana Utama** telah melaksanakan Projek K-Inovasi **Terminal bayaran elektronik (Elektronic payment terminal/ e-pay)**. Pejabat JMB dijadikan one-stop-centre penyediaan perkhidmatan pembayaran elektronik seperti tambah nilai pra-bayar dan bayaran bagi 60 jenis produk dan perkhidmatan. Ini termasuk pelbagai bayaran bil-bil utiliti seperti bil SYABAS, TNB, UNIFI / TM, ASTRO, tambah nilai prabayar dan lain-lain. Ia juga termasuk kemudahan pembayaran caj penyenggaraan kepada pemilik-pemilik unit dengan menggunakan kad debit atau kad kredit.

Kelebihan e-pay ini kepada penduduk dan JMB adalah seperti berikut :-

i) Penduduk (600 unit rumah)

- Perkhidmatan disediakan khas untuk penduduk Pangsapuri IRIS;
- Kelebihan kepada warga emas untuk membuat bayaran bil pada bila-bila masa tanpa perlu keluar dari kawasan pangsapuri tersebut – dekat;

- Menjimatkan masa, tenaga dan wang ringgit; dan
- Tiada caj tambahan dikenakan kepada pengguna sistem e-pay ini.

ii) JMB – pihak pengurusan

- Menjadikan tarikan kepada penduduk untuk datang berurusan ke pejabat JMB IRIS;
- Sistem pembayaran yang mudah diurus dan dikendalikan;
- Tiada yuran bulanan atau tahunan;
- Tiada kerugian (tiada tempoh perjanjian);
- Modal yang kecil; dan
- Pendapatan kepada JMB untuk jangka masa panjang.

Antara jenis bantuan yang telah diberikan kepada pihak JMB Pangsapuri Kenanga dan Pangsapuri IRIS ialah seperti berikut :-

JMB Pangsapuri Kenanga

Bil.	Jenis Bantuan	Nilai Bantuan (RM)	Tahun
1.	Skim Ceria – Membuat pagar	19,900.00	2012
2.	Skim Ceria – Baikpulih jalan dalam pangsapuri kos rendah Negeri Selangor	208,379.04	2017
3.	Skim Ceria – Mengecat Bangunan	226,839.54	2017

JMB Pangsapuri IRIS

Bil.	Jenis Bantuan	Nilai Bantuan (RM)	Tahun
1.	Skim Ceria – Mengecat Bangunan	770,948.60	2016

- b) Pusat Kitar Strata adalah suatu tempat yang disediakan untuk pengumpulan barang-barang yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, besi, aluminium, tembaga, bateri kereta, peti sejuk, televisyen dan lain-lain. Setiap barangan yang boleh dikitar semula akan ditimbang dan dibayar mengikut nilai pasaran barangan tersebut. Bagi JMB Pangsapuri Kenanga, bayaran adalah dengan menggunakan kupon, tiada penggunaan wang tunai di sini. Ini bagi mengelakkan berlakunya pengaliran wang tunai keluar. Oleh itu, kupon hanya boleh ditebus untuk pembayaran caj penyenggaraan atau pembelian barangan runcit kedai yang telah ditetapkan sahaja.

Dipusat kitar strata ini, barang-barang yang telah diterima akan disimpan mengikut jenis dan sampai satu masa pihak peraih akan dihubungi untuk mengambil barang-barang tersebut untuk dijual semula. Dengan adanya pusat kitar strata ini, sesebuah kawasan seperti pangsapuri yang mempunyai

ruangan yang terhad akan nampak lebih teratur dan kemas. Rumah sampah juga lebih terjaga dan bersih kerana pembuangan sampah dan sisa buangan telah diasingkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : SENARAIKAN PROGRAM IPR SERTA SENARAI PIHAK PENGENDALI
PROGRAM**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua program-program IPR yang masih aktif serta siapa pihak pengendali program? (contoh: Program - Skim Peduli Sihat/Pihak Pengendali - Selgate Corporation)

JAWAPAN:

- a) Senarai program dan pengendali program-program IPR yang terkini bersama pengendali program selepas penajaran adalah seperti berikut di Lampiran 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN BELIA

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan usahawan belia di bawah negeri dan Petaling Jaya?
- b) Berapakah modal yang dilaburkan untuk tujuan pembangunan usahawan belia?

JAWAPAN:

a) dan b)

Dalam agenda memperkasakan usahawan-usahawan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah memperuntukkan dana sebanyak RM6.35 juta pada tahun 2019 untuk menyediakan insentif dan merangka program-program yang berimpak tinggi dalam meningkatkan mutu produk usahawan. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap peniaga-peniaga yang melibatkan diri dalam industri ini kerana kebanyakan peniaga di daerah-daerah di Negeri Selangor terlibat dengan perniagaan mikro menjadikan perniagaan ini sebagai sumber pendapatan keluarga.

Inisiatif pembangunan usahawan ini tidak mensasarkan golongan tertentu dan ia terbuka kepada semua usahawan di Negeri Selangor untuk meningkatkan diri, perniagaan dan menjana ekonomi keluarga. Berikut merupakan insentif yang disediakan :

i. DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada

pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin/ peralatan/ perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/ perniagaan iaitu mengubahsuai/ menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor.

ii) **PAMERAN/EKSPLO**

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di Negeri Selangor adalah melalui ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)* dan *Selangor International Expo (SIE)*. Usahawan yang berkeelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor.

Pada tahun ini, buat kali ke tiga (3) Kerajaan Negeri akan menyertai pameran antarabangsa ke *China ASEAN Expo (CAEXPO)* yang akan diadakan pada bulan September di Nanning, China anjuran *People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce, P.R.China*. Kerajaan Negeri Selangor menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang merupakan badan yang berperanan untuk mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan eksport terhadap produk keluaran Malaysia.

iii) **KURSUS/ LATIHAN**

Selain itu, bagi usahawan di peringkat permulaan, Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan tentang bagaimana untuk mempersiapkan produk mereka sekurang-kurangnya untuk menembusi pasaraya tempatan. Modul kursus terdiri daripada asas perniagaan dan kewangan, penjenamaan produk, pensijilan produk serta pemasaran *online* dan ke rangkaian pasaraya.

iv) **PROGRAM PEMBUNGKUSAN PRODUK MADE IN SELANGOR**

Dalam usaha untuk memberi *value added* kepada produk tempatan agar dapat meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke pasaran antarabangsa (*market penetration and expansion*), Kerajaan Negeri juga mengadakan Program Pembungkusan Produk *Made In Selangor (MIS)* kepada usahawan yang sudah bersedia untuk mempertingkatkan mutu pembungkusan dan pensijilan produk. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, rekabentuk jenama, pendaftaran jenama (*MyIPO*) dan cetakan pembungkusan yang diperbaharui.

v) **PROGRAM PEMBINAAN UPAYA USAHAWAN INDIA SELANGOR**

Program ini bertujuan untuk membantu usahawan India yang berpotensi berkembang maju di dalam bidang perniagaan. Di samping itu, ianya adalah program keperluan dalam menyediakan usahawan India menjadi lebih berdikari dan mampu untuk menjana mobiliti. Peserta akan diberikan pembangunan latihan dan pengupayaan untuk membina kepakaran, penyediaan cadangan projek selain daripada pengurusan pemasaran dan kewangan. Antara modul yang telah dirangka adalah peserta akan menyertai latihan berbentuk kemahiran bersama syarikat peneraju/ mentor terpilih dan akan dipantau selama tiga (3) hingga enam (6) bulan bergantung pada industri yang terpilih. Di dalam tempoh latihan tersebut, peserta akan diberi peluang untuk terus mengendalikan perniagaan mengikut jenis latihan yang diceburi dan dipantau oleh syarikat peneraju. Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Pada tahun 2017, seramai 400 orang telah menyertai program ini yang dilaksanakan di enam (6) daerah di negeri Selangor.

Pada tahun 2018, sebanyak RM849,811.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor. Sebanyak 15 sesi kursus telah dijalankan dan 320 peserta telah mengikut program ini.

vi) **PINJAMAN MIKROKREDIT HIJRAH SELANGOR**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan berperingkat bermula tahun 2015. Ia merupakan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat tertentu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU DAN TRADISI

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha ataupun projek-projek pembangunan kampung yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh beberapa tahun ini?

JAWAPAN:

SEKSYEN SEKTORAL, UPEN

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk melaksanakan pembangunan kampung tradisi dari aspek ekonomi, sosial dan infrastruktur serta mengimbangkan antara pembangunan fizikal, kerohanian dan spiritual agar dapat melahirkan masyarakat yang maju dan diberkati. Pelbagai program dan projek yang bersesuaian telah dirangka dan telah dilaksanakan di kampung tradisi melibatkan sembilan (9) daerah dalam Negeri Selangor bertujuan memberdayakan ekonomi warga desa.

Di antaranya adalah pelaksanaan program pembangunan kapasiti untuk memberdayakan industri kampung menerusi Kursus Jangka Pendek Program Pembangunan Usahawan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor: Industri Komuniti Kampung yang telah dilaksanakan pada bulan Oktober dan November tahun 2018. Buat permulaan, kursus ini akan memberi tumpuan terhadap pembuatan dan penyediaan kuih tradisional, pastri, kek dan *sandwich* ini bertujuan memberi peluang kepada masyarakat desa yang berminat untuk menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan keusahawanan serta membantu mereka untuk menambah pendapatan. Secara umumnya, objektif kursus ini diadakan adalah untuk:

- i. Mempergiatkan lagi pembangunan industri kampung melalui pembuatan dan penyediaan makanan menerusi platform sedia ada iaitu Pusat Wanita Berdaya (PWB).
- ii. Memperbetulkan serta menambahbaik prinsip dan kefahaman tentang konsep perniagaan dari rumah.
- iii. Mendedahkan produk-produk yang berpotensi untuk dipasarkan dan produk yang boleh diproses secara "*homebased industry*" tanpa memerlukan peralatan canggih dan lengkap.

Program ini telah berjaya menarik seramai 491 peserta, iaitu melebihi sasaran 480 peserta. Peserta bukan sahaja didedahkan kepada kaedah pembuatan dan penyediaan kuih dan pastri tetapi mereka turut diperkenalkan kepada pihak penyedia makanan. Berdasarkan maklum balas terkini, ada di antara peserta yang telah menjalinkan kerjasama dengan pihak penyedia makanan dan dipertanggungjawabkan sebagai pembekal pastri kepada penyedia tersebut.

Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi juga akan melaksanakan satu Program Khas Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi yang dinamakan sebagai SARANG Ekonomi Desa 2019. Program ini akan dijadikan sebagai satu kerangka (model) ekonomi baharu bagi meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan golongan B40 di luar bandar, memperkasa pengusaha ekonomi desa serta mewujudkan ekonomi luar bandar yang berdaya saing, selaras dengan matlamat Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018 – 2023 oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Program SARANG Ekonomi Desa dijangka berupaya mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam 6 sektor pekerjaan terpilih dan juga melahirkan sekurang-kurangnya 50 orang usahawan yang akan mempunyai jenama mereka yang tersendiri.

Bagi memastikan kemudahan infrastruktur yang dinikmati oleh masyarakat kampung adalah setanding dengan masyarakat bandar, saban tahun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah dana tertentu untuk menampung kos pembaikan/ baik pulih jalan kampung, kemudahan dewan orang ramai, balairaya dan longkang di kawasan kampung. Perincian peruntukan projek yang dijalankan mengikut pecahan daerah dari tahun 2014 hingga 2019 adalah seperti **di lampiran**.

Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut tertentu tidak dikhususkan bagi setiap kampung tertentu sahaja memandangkan pemberiannya adalah mengikut keperluan dan keutamaan projek-projek yang dijalankan.

Selain itu, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi setiap kampung di Negeri Selangor adalah diwajibkan untuk menyediakan profil kampung melalui Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) yang mengandungi maklumat terperinci bagi sesebuah kampung. Maklumat ini meliputi senarai demografi penduduk, aktiviti ekonomi yang dijalankan di kampung serta kemudahan infrastruktur yang terdapat di sesebuah kampung tersebut. Maklumat SPKPN tersebut akan membantu pihak MPKK, Pejabat Daerah/Tanah serta agensi terlibat untuk membuat perancangan dan mengenalpasti projek pembangunan mengikut keutamaan yang perlu dilaksanakan di sesebuah kampung.

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN, UPEN

- a) Jumlah peruntukan bagi projek-projek kecil di Kampung Baru/ Tersusun/ Bagan adalah sebanyak RM5 juta setahun. Projek-projek pembangunan Kampung Baru di Negeri Selangor dibahagikan kepada Projek Naiktaraf Catwalk, Projek Naiktaraf Dewan, Projek Naiktaraf Jalan dalam kampung dan Program Kemasyarakatan seperti Pertandingan Bola Keranjang Antara Kampung Baru, Program Menghias Rumah Sempena Sambutan Tahun Baru Cina Dan Program Gotong Royong Mega.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : JAWATAN YANG DIPEGANG OLEH SETIAP MENTERI BESAR DAN
AHLI EXCO**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua jawatan yang terkini yang dipegang oleh Menteri Besar dan setiap Ahli EXCO di badan-badan berkanun, anak-anak syarikat ataupun agensi-agensi lain.

JAWAPAN:

- a) Senarai perjawatan Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di badan berkanun, anak syarikat dan agensi Kerajaan Negeri adalah seperti di Lampiran A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : SUMBANGAN CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) OLEH
SETIAP BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila berikan butiran jumlah sumbangan *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan penerima-penerima untuk setiap badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor

JAWAPAN:

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR

a)

MENTERI BESAR INCORPORATED

- a) Jumlah sumbangan bagi menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri dan CSR dari Kumpulan MBI pada tahun 2018 adalah RM60,020,167 seperti butiran berikut :

Bil	Nama GLC	Sumbangan & CSR (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI)	52,429,561
2	SRM Setia Sdn Bhd (SRM)	182,574
3	KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBW)	1,153,306
4	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (DEFM)	52,270
5	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	620,274
6	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	3,426,597
7	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	2,155,585
	Jumlah	60,020,167

Senarai penyumbang-penyumbang GLC dan penggunaanya adalah seperti berikut :

1. Nama GLC : Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)

Bil	Butiran	Jumlah (RM)	
1	Program Kerajaan Negeri		
	Sumbangan Haji	1,336,276	
	Sumbangan sambutan perayaan	1,123,868	
	Billboard	170,274	
	Sumbangan perbelanjaan operasi IDE	2,000,000	
	Program Jom Balik Sekolah	1,776,950	
	Sumbangan Wifi Selangorku	13,953,084	
	Program Komunikasi Penyaluran Dasar Maklumat Kerajaan (CCSB)	5,000,000	
	Penstrukturan semula Kumpulan MBI	236,460	
	Program MB	785,000	
	Program ziarah medik	30,000	
	Sumbangan Early Intervention Program	1,245,428	
	Sumbangan Program Smart Creative	719,531	
	Sumbangan INPEN	130,000	
	Sumbangan Yayasan Selangor, UNISEL, Pesta Buku dll	330,622	
	Sumbangan bantuan kewangan subsidiary	5,093,510	
	Sumbangan Piala Sultan Selangor	50,000	
	Sumbangan Woman Basketball League	100,000	
	Sumbangan Piala YAB Amirudin	50,000	
	Sumbangan akhir Piala FA	250,000	
	Program kebajikan dan sukan jabatan dll	163,000	
	Selangor Champions League, Industrial Ride, Football Fanatix, Rugby dll	206,250	
Organisasi/Pertubuhan berdaftar	214,140		
	Jumlah Sumbangan bagi menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri		34,964,393
2	Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)		
	Sumbangan pembaikan infra - sek, tahfiz dll	884,541	
	Pembangunan Sosial	106,620	
	Sumbangan kepada Masjid / Surau	12,938,937	
	Sumbangan kepada Asnaf	1,772,500	
	Lain-lain sumbangan termasuk bantuan banjir	1,171,816	
	Sumbangan Pinggiran Batu caves	472,754	
	Lawatan MB ke Mesir	118,000	

Bil	Butiran	Jumlah (RM)
	Jumlah Sumbangan CSR	17,465,168
	Jumlah Keseluruhan	52,429,561

2. Nama GLC : SRM Setia Sdn Bhd

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Program Projek Prihatin – Active Fast Center	30,000
2.	Program Jelajah ke Sekolah	8,504
3.	Sumbangan Sambutan Ramadhan kepada surau-surau dan madrasah di Negeri Selangor	47,500
4.	Majlis Hi tea untuk Penerima KISS bersama Datin Seri Shamsida binti Tahirin	10,000
5.	Program Sambutan Tahun Baru Cina	20,000
6.	Sumbangan untuk menyelenggara Aplikasi Pelancongan “Sekinchan Travel Apps”	20,000
7.	Sumbangan “Majlis Gala Seribu Bintang bagi Sekolah Kebangsaan Selayang Jaya”	3,000
8.	Sumbangan set kelengkapan ruang solat Jemaah Muslimah utk Masjid Talhah bin Ubaidillah	43,570
	Jumlah	182,574

3. Nama GLC : KDEB Waste Management Sdn Bhd

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Contribution of Leach Bin & MGB to Selangor PBT	861,690
2.	Sponsorship for Sultan Selangor Cup 2018	88,888
3.	Donation to PBTs for sport tournament	91,300
4.	Sponsorship “Selangor Smart City Convention”	32,000
5.	Sponsorship for football Piala MB 2018	19,240
6.	Donation for back to school programme	15,500
7.	Others	44,688
	Jumlah	1,153,306

4. Nama GLC : Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Pembelian penghawa dingin (2 unit) untuk surau Al - Anzor, Pangsapuri Kenanga Batu Caves.	4,000
2.	Kos membaiki lif di Pangsapuri Permai - Gombak Permai, Batu Caves	31,270
3	Sumbangan alat penghawa dingin kepada surau	8,000

Bil	Program	Jumlah (RM)
	Kampung Boyan Wira Damai (4 unit)	
4	Sumbangan bagi Kejohanan Golf Integrasi Kelab Pegawai Tadbir & Diplomatik Selangor Darul Ehsan (KPTDSE) bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tahun 2018	5,000
5	Sumbangan bagi Program Kejohanan Merentas Desa Piala Ketua Polis Selangor 2018	1,000
6	Sumbangan bagi Program Anti Dadah bagi Pemadam Negeri Selangor Bagi Tahun 2018	3,000
	Jumlah	52,270

5. Nama GLC : Kumpulan Darul Ehsan Berhad

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Sumbangan Aidil Adha	450,000
2.	Pemasangan Gantry Billiboard	170,274
	Jumlah	620,274

6. Nama GLC : Permodalan Negeri Selangor Berhad

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	Sumbangan Pembinaan Ruang Tambahan Surau Al Shuhadak, Taman Kandis Permai Klang, Selangor	15,000
2.	Sumbangan CSR bagi bantuan kewangan bagi anak kurang upaya (OKU - Down Syndrome dan Buta) anak kepada Encik Chang Jee	2,000
3.	Sumbangan untuk penajaan program jalinan ukhwah bersama anak yatim Annabawi di Kg Kupang Badak Air Hangat, Langkawi Siri II anjuran Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	2,000
4.	Sumbangan untuk menganjurkan program-program kekeluargaan komuniti di kawasan Bandar Tun Razak, Cheras.	50,000
5.	Sumbangan bagi menjayakan Hari Keluarga Jabatan Mufti Negeri Selangor 2018	3,000
6.	Sumbangan bagi menampung kos baik pulih dan menaiktaraf kemudahan di Surau Qan-Nubuwwah, Taman Teluk Gedung Indah, Pelabuhan Klang	2,000
7.	Sumbangan untuk menyertai program larian amal 'Mahabbah Walk 2018' anjuran Yayasan Islam Darul	500

Bil	Program	Jumlah (RM)
	Ehsan (YIDE).	
8.	Sumbangan untuk pembinaan pusat aktiviti warga emas di bekas tapak Restoran Millenium Curry House, Taman Nirwana Ampang	10,000
9.	Sumbangan sempena Hari Keluarga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018.	25,000
10.	Sumbangan penajaan bagi sambutan perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor 2018.	50,000
11.	Sumbangan Bagi Kerja-Kerja Membaikpulih Kerosakan Surau Haji Abbas Kampung Delek, Klang	2,000
12.	Sumbangan Tabung Bantuan Pembangunan untuk Ma'ahad Tahfiz Al-Falahiyyah	3,000
13.	Sumbangan bagi kejohanan sukan tahunan SK TTDI Jaya SKK	8,000
14.	Sumbangan bagi kejohanan Golf Integrasi Kelab Pegawai Tadbir & Diplomatik Selangor Darul Ehsan	20,000
15.	Sumbangan bantuan pendidikan bagi Anak Keluarga Miskin Cermerlang bukan islam Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Di Dun Permatang.	2,600
16.	Sumbangan penganjuran program Ihya Ramadan 1439H/2018M di Musolla Al Husna Bangunan Darul Ehsan Kelolaan Menteri Besar Selangor (Perbadanan) MBI	30,300
17.	Bayaran permohonan Dana bagi Penambahan Ruang Limpah Solat Surau At-Taqwa Bukit Bandaraya Shah Alam	5,000
18.	Bayaran sumbangan Umum & Program Ihya Ramadan Bagi Tahun 2018 di Masjid Bandar Baru Sg. Buloh (MBBSB).	2,000
19.	Sumbangan kewangan bagi Program Kelas Harapan 2018 untuk Pelajar miskin.	3,800
20.	Sumbangan Program Moreh Ramadan untuk Surau Taman Alam Perdana	1,000
21.	Sumbangan bagi kos baik pulih tangki air di Pangsapuri Cempaka, Taman Wira Permai	48,700
22.	Sumbangan penajaan bagi menjayakan program 'Earthquake engineering student' UTM	10,000
23.	Sumbangan Dana kumpulan Nurul Jannah Persatuan Komuniti Seksyen 23 Shah Alam.	3,000
24.	Sumbangan majlis berbuka puasa bersama LPHS	4,000

Bil	Program	Jumlah (RM)
25.	Penajaan bagi program kayuhan Amal 2018 anjuran sambutan Hari Kemerdekaan yang ke 61 oleh RTM.	10,000
26.	Jemputan kakitangan untuk menyertai program kayuhan Selangor Insustrial Ride 2018 anjuran SSIC Berhad	160
27.	Sumbangan majlis kesyukuran dan rumah terbuka Hari Raya YAB Dato' Menteri Besar Selangor.	10,000
28.	Sumbangan bagi program kebajikan 'Hope for the Future' anjuran Yayasan Chow Kit.	8,040
29.	Sumbangan pertandingan Terbuka memancing ikan air tawar Majlis Daerah Sabak Bernam 2018	1,000
30.	Sumbangan sempena hari Keluarga PDT Sepang 2018 bagi pertandingan Futsal Daerah Sepang dan Majlis Korban Perdana PDT Sepang.	2,000
31.	Sumbangan Kejohanan Golf Amal MPK - MBI 2018	4,000
32.	Sumbangan kewangan bagi menampung perbelanjaan pasukan Kinrara Red Eagles menyertai kejohanan Ragbi KGVIS 2018 Peringkat Kebangsaan	2,000
33.	Penajaan voucher bagi penganjuran perlawanan golf jemputan kelab golf Perhutanan Malaysia.	15,000
34.	Tajaan bagi cadangan pemasangan gantry Billboard untuk promosi Negeri Selangor di KM 5.4 LLM, Lebuhraya KLIA.	170,274
35.	Perbelanjaan operasi Rumah Puteri Arafiah bagi tahun 2018	950,000
36.	Sumbangan penganjuran Pesta Sukan JPPH bagi tahun 2018	2,000
37.	Cadangan bagi penghantaran pertandingan Bola Sepak The Sultan of Selangor Cup 2018	100,000
38.	Sumbangan peruntukan perbelanjaan Kelab Bolasepak PNSB bagi tahun 2017/2018.	265,290
39.	Sumbangan perlawanan Golf jemputan antara KPGM dengan agensi-agensi Kerajaan	2,100
40.	Sumbangan KESDAT (Kelab Kebajikan dan Sukan Daerah Klang Utara) bagi tahun 2018	2,000
41.	Sumbangan Sukan Malaysia (SUKMA) di Ipoh 2018	5,600
42.	Sumbangan Kejohanan Bolasepak Piala Raja Muda sebagai penaja utama Piala Dato' Mokhtar Dahari	70,000
43.	Sumbangan kelengkapan barangan sukan bagi pasukan olahraga SUKMA di Perak 2018.	7,682
44.	Tajaan pasukan Bolasepak Pejabat SUK bagi temasya sukan SUK Se-Malaysia Tahun 2018	14,031

Bil	Program	Jumlah (RM)
45.	Sumbangan bagi pasukan ragbi U14 & U16 Shah Alam Junior Champion November 2018	1,000
46.	Sumbangan kepada pejabat Atase Pendidikan (Selangor), Kedutaan Besar Malaysia Keherah, Mesir sempena lawatan YAB Dato' Menteri Besar Selangor ke Maghribi, Jordan dan Mesir bagi menghadiri perjumpaan pelajar-pelajar.	50,000
47.	Sumbangan bagi majlis perpisahan YAB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor.	4,000
48.	Sumbangan kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) KE-19 tahun 2018	6,435
49.	Sumbangan Kejohanan Golf Amal Yayasan Islam Darul Ehsan (KGA-YIDE 2018)	10,000
50.	Hari Raya Aidil Adha Program 2018	900,000
51.	Sumbangan sempena aktiviti Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Daerah Tanah Gombak	5,085
52.	Sumbangan larian komuniti Klang	1,000
53.	Tajaan kejohanan Golf Amal MB Selangor	5,000
54.	Sumbangan Tabung Pendidikan KUIS bagi tahun 2018	500,000
	Jumlah	3,426,597

7. Nama GLC : Kumpulan Semesta Sdn Bhd

Bil	Program	Jumlah (RM)
1.	State's program contribution	1,694,005
2.	Donation & contribution	461,580
	Jumlah	2,155,585

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : FUNGSI SETIAP BADAN BERKANUN DAN ANAK-ANAK SYARIKAT
BAWAH NEGERI SELANGOR**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan nama untuk setiap badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat bawah Negeri Selangor serta fungsi dan peranan yang dibawa oleh mereka.
- b) Sila senaraikan jumlah aset badan-badan berkanun negeri pada tahun 2018-2019.

JAWAPAN:

- a) Terdapat enam Badan Berkanun Negeri (BBN) yang di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Perbadanan Kemajuan dan Pertanian Selangor (PKPS), Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Manakala fungsi dan peranan anak syarikat adalah tertakluk kepada akta syarikat yang berkenaan.

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Fungsi
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Pengagihan ekonomi yang adil dan pertumbuhan sosio-ekonomi yang berpandukan kepada dasar-dasar kerajaan agar dapat mewujudkan kestabilan, keharmonian dan keadilan sosial khususnya di negeri Selangor. Harapan ini dilaksanakan menerusi pembangunan pusat pertumbuhan baru, penerokaan kawasan kediaman yang vibran dan lestari, pembangunan pusat-pusat perindustrian, perniagaan dan pelbagai aktiviti pelaburan.
2.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	Diwujudkan di atas lima objektif iaitu: i. untuk mengumpul segala maklumat adat Melayu dan warisan negeri Selangor; ii. bertanggungjawab menyelamat, memelihara

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Fungsi
		<p>dan mengembangkan adat Melayu dan warisan Negeri Selangor;</p> <p>iii. memperkasakan adat melayu dan warisan Negeri Selangor;</p> <p>iv. mewujudkan pusat maklumat dan rujukan berkaitan adat dan warisan Melayu serantau; dan</p> <p>v. mendekatkan masyarakat umum kepada institusi permuziuman.</p>
3.	Perbadanan Kemajuan dan Pertanian Selangor (PKPS)	<p>Bertanggungjawab untuk memajukan industri perladangan dan asas tani bagi meningkatkan pembangunan sosio ekonomi negeri Selangor disamping menjalankan projek-projek komersil untuk faedah rakyat. PKPS turut terlibat dalam projek-projek pertanian komersil dan program pembangunan ladang, kelapa sawit untuk rakyat negeri Selangor seperti Rancangan Revolusi Hijau Bukit Cherakah, Rancangan Tanah Terbiar Kanchong Darat dan Rancangan Tanah Belia Busut. PKPS juga kea rah mengembangkan aktiviti komersil dengan memperluaskan kawasan penanaman kelapa sawit, tanaman getah, pengeluaran buah-buahan tempatan seperti belimbing besi, tembikai, betik, jambu batu, rambutan, pulasan dan lain-lain lagi.</p>
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	<p>Berikut merupakan fungsi dan peranan PPAS iaitu:</p> <p>i. bertanggungjawab menubuhkan, mengurus dan menyelenggara Perpustakaan Awam Negeri dan perpustakaan-perpustakaan di Daerah;</p> <p>ii. menyediakan prasarana bagi memudahkan masyarakat mendapatkan ilmu dan maklumat terkini;</p> <p>iii. mengurangkan jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar;</p> <p>iv. membudayakan masyarakat dengan budaya membaca; dan</p> <p>v. membantu merealisasikan agenda dan</p>

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Fungsi
		wawasan Kerajaan Negeri.
5.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	Menjalankan fungsi dan kuasa di bawah Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001. Menyediakan garis panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pentadbir Tanah dan pemaju berkaitan Perumahan dan Hartanah. <i>Guarded And Gated Community</i> , syarat-syarat pemohon Rumah Kos Rendah (RKR) dan syarat-syarat penyewaan program perumahan Rakyat (PPR).
6.	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).	LUAS adalah sebuah agensi pengurusan sumber air negeri Selangor yang juga merupakan agensi ulung dan perintis kepada pengurusan sumber air negeri. Dengan adanya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, LUAS dilengkapi dengan peruntukan perundangan dan penguatkuasaan untuk melaksanakan tanggungjawab serta fungsinya dengan berkesan. LUAS dipertanggungjawab untuk memastikan sumber air negeri, termasuk lembangan sungai, air bumi dan permukaan, tasik, kolam dan bekas lombong, serta pesisiran pantai Negeri Selangor supaya sentiasa berada di dalam keadaan terpelihara. Fungsi dan tanggungjawab ini dilaksanakan oleh LUAS melalui pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) dan juga pendekatan Pengurusan Pantai Bersepadu (ICM).

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau Menteri Besar *Incorporated* (MBI) Selangor ditubuhkan di bawah Enakmen Menteri Besar Selangor (Enakmen No.3 tahun 1994) ("Enakmen") pada 21 September 1994. Enakmen tersebut yang memperuntukkan bahawa sesiapa yang sedang memegang jawatan atau melaksanakan fungsi Menteri Besar dan penggantinya adalah sebuah badan korporat di bawah nama "Menteri Besar Selangor".

MBI ditubuhkan untuk mentadbir aset dan pelaburan Kerajaan Negeri dan mewakili Negeri selangor dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan yang di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ia memainkan peranan untuk mempromosikan dan menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri serta melaksanakan tanggungjawab sosial kepada rakyat. Pada asasnya, MBI Selangor adalah

badan berkanun yang ditubuhkan untuk memacu kegiatan ekonomi dan sosial di Negeri Selangor bagi pihak Kerajaan Negeri.

ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI		
Bil.	Nama Syarikat	Fungsi dan Peranan
1.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Menguruskan pengeksploasian, pengekstrakan, pengeluaran dan penjualan pasir dan sumber mineral di Negeri Selangor.
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	Syarikat pegangan pelaburan, pembangunan hartanah dan perkhidmatan.
3.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad	Kelab Golf dan Rekreasi.
4.	Communication Corporation Sdn Bhd	Media rasmi Kerajaan Negeri Selangor.
5.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Institusi Pendidikan Tinggi
6.	Inpen (Selangor) Sdn Bhd	Institusi Pendidikan (TVET)
7.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	Syarikat pegangan pelaburan.
8.	Invest Selangor Berhad	Menyediakan khidmat profesional dan penyelesaian terunggul kepada para pelabur, menjadi organisasi yang berasaskan pengetahuan yang memacu kearah pelaburan baru, dan menjadi organisasi yang berdasarkan pemikiran berkualiti dan menyediakan mutu kerja terunggul setiap masa.
9.	Rantain Mesra Sdn Bhd	Mempromosikan Program Inisiatif Peduli Rakyat.
10.	Yayasan Warisan Anak Selangor	Mewujudkan, menganjurkan, mentadbir dan menyelenggara suatu dana yang dikenali sebagai "Tabung Warisan Anak Selangor" untuk digunakan bagi memberi faedah dan kebajikan rakyat Selangor yang lahir dan didaftarkan di Negeri Selangor pada dan selepas 1 Januari 2008.
11.	Yayasan Hijrah Selangor	Mewujudkan, mentadbir dan menyelenggara suatu dana yang dikenali sebagai Tabung Dar Al Qard Al Hasan Selangor yang digunakan bagi memberi faedah dan kebajikan rakyat Selangor subjek daripada Sultan Selangor.
12.	Darul Ehsan Facilities	Terlibat dalam pelaburan, perdagangan

ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI		
Bil.	Nama Syarikat	Fungsi dan Peranan
	Management Sdn Bhd	peralatan sukan dan pengurusan aset.
13.	SRM Setia Sdn Bhd	Projek jangka masa panjang bagi penyelenggaraan dan membaik pulih jalan bagi Zon 1, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.
14.	Darul Ehsan Investment Group Berhad	Syarikat tidak aktif
15.	Tourism Selangor Sdn Bhd	Ejen pelancongan, pengurusan resort dan promosi tempat-tempat pelancongan di Negeri Selangor.
16.	SMARTSEL Sdn Bhd	Infrastruktur IT dan telekomunikasi kluster ekonomi dan aktiviti menyediakan infrastruktur untuk hosting, perkhidmatan pemprosesan data dan aktiviti yang berkaitan.
17.	Landasan Lumayan Sdn Bhd	Syarikat pegangan pelaburan, kontraktor dan pemaju am bagi Projek Selangor Maritime Gateway.
18.	KDEB Waste Management Sdn Bhd	Syarikat pegangan pelaburan, pemerolehan kompaktor untuk Pihak Berkuasa Tempatan.
19.	SSDU Innovations Sdn Bhd	Melibatkan perundingan teknologi, pengurusan projek, penciptaan harta intelektual, pembangunan teknologi/ eksploitasi dan <i>big data analytics</i> untuk Aplikasi Bandar Pintar (Smart City).

SYARIKAT BERSEKUTU DI BAWAH KUMPULAN MBI		
1.	Yakin Telesel Sdn Bhd	Menjalankan aktiviti struktur rangkaian telekomunikasi dan aktiviti yang berkaitan.

- b) MBI Selangor ditubuhkan di bawah Enakmen Menteri Besar Selangor (Enakmen No.3 tahun 1994) (“Enakmen”) yang merupakan badan pemegang amanah Kerajaan Negeri tidak menuntut MBI untuk mengemukakan maklumat kewangan kepada mana-mana pihak bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PEKERJAAN YANG DICEBURI OLEH WARGA SELANGOR

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- b) Sila senaraikan jenis-jenis pekerjaan yang diceburi golongan belia di Negeri Selangor.
- c) Sekiranya mempunyai kajian, apakah jenis latihan kemahiran yang paling diperlukan oleh golongan anak muda di Selangor?

JAWAPAN:

JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SELANGOR

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa kini belum ada maklumat yang lengkap mengenai pengkhususan pekerjaan bagi belia di Negeri Selangor. Hasil dapatan pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) berdasarkan data **Penduduk Bekerja Mengikut Industri Dalam Kalangan Belia (15-40 tahun) Bagi Tahun 2017** yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melalui pendekatan isi rumah bagi seluruh rakyat Malaysia mendapati jenis-jenis pekerjaan yang diceburi oleh golongan belia mengikut tujuh industri keutamaan adalah seperti berikut:

Penduduk Bekerja Mengikut Industri Dalam Kalangan Belia (15-40 tahun) Bagi
Tahun 2017

Bil.	Industri	Jumlah
1.	Pembuatan	1,791,400
2.	Perdagangan Borong Dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor Dan Motosikal	1,768,200
3.	Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan	980,800
4.	Penginapan Dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan Dan Minuman	891,400
5.	Pembinaan	811,500
6.	Pendidikan	521,100
7.	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatansosial wajib	473,600

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

- c) Program Latihan kemahiran yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS) adalah berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Invest Selangor dalam memacu pembangunan ekonomi Negeri Selangor.

Berdasarkan kepada kajian tersebut pelaksanaan Program IKTISASS bagi melatih sumber tenaga manusia dalam bidang kemahiran dijalankan berpaksikan 5 fokus industri di Negeri Selangor iaitu:

- I. Sains Hayat (*Life Sciences*);
- II. Makanan dan Minuman (*Food dan Beverages*);
- III. Elektrik & Elektronik (*Electrical & Electronics*);
- IV. Jentera & Kejuruteraan (*Machinery & Engineering*);
- V. Pengangkutan & Peralatan (*Transportation & Equipment*);

Oleh itu, latihan yang dijalankan adalah berkonsepkan kursus persijilan jangka panjang dan persijilan jangka pendek yang berorientasikan keperluan industri dan apabila tamat latihan tersebut pelatih akan mendapat penempatan pekerjaan di industri di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : LANGKAH KERAJAAN NEGERI TERHADAP PEMBANGUNAN YANG
BERPOTENSI MENYEBABKAN KESESAKAN LALU LINTAS**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan terhadap permohonan-permohonan projek pemaju yang berkemungkinan besar menyebabkan kesesakan lalu lintas? Adakah kajian seperti *Traffic Impact Assessment* (TIA) penting dalam menentukan kelulusan sebuah projek mega?
- b) Apakah kajian-kajian lain (selain TIA) yang wajib dilaksanakan untuk memastikan projek pembangunan tidak akan menyebabkan kesesakan lalu lintas yang serius?

JAWAPAN:

- a) Setiap permohonan pemajuan berdensiti tinggi atau yang mempunyai impak yang tinggi adalah tertakluk kepada pelan Rancangan Tempatan yang telah diwartakan di setiap PBT. Bagi memastikan kelestarian pembangunan di Negeri Selangor tercapai, pemaju perlu mengemukakan Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assessment*) sebelum sesebuah projek pembangunan diluluskan oleh pihak Majlis. Pelaksanaan TIA ini adalah penting untuk menilai impak pembangunan kepada rangkaian pengangkutan dan mengenal pasti penyelesaian yang munasabah, berkenaan dengan pengalaman, untuk menangani kesan kenaikan tersebut.
- b) Selain daripada laporan Kajian Impak Trafik, terdapat juga beberapa kajian lain yang boleh dilaksanakan seperti Kajian *Road Safety Audit* (RSA), *Traffic Study*, *Traffic Management Plan* dan kawalan pembangunan di kawasan *Transit Oriented Development* (TOD). Selain itu, PBT juga turut mengambil kira dan menganalisis bantahan awam yang berkaitan, sekiranya ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI DI HULU SELANGOR

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek terbengkalai yang masih belum mempunyai kontraktor ataupun pemaju penyelamat di Daerah Hulu Selangor.
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah Projek Pembesaran Kampung Jawa (Taman Desa Beringin) yang terbengkalai sejak 2001?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 13 projek yang masih belum mempunyai kontraktor ataupun pemaju penyelemat di Daerah Hulu Selangor. Senarai projek adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
1.	Projek Perumahan Desa Beruntung, RKR Setingkat, Mukim Ulu Yam	Tetuan Prospell Development Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi: Rabindra Singh & Associates
2.	Projek Perumahan Taman Lembah Beringin, PT 610, 6502, 863 & 864, Jalan Kerling, Mukim Sungai Gumut	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi: Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd
3.	Projek Perumahan Bandar Baru Serendah, 79 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Serendah	Tetuan Manco Sdn. Bhd.
4.	Projek Perumahan 400 Unit Rumah Teres Setingkat Di Fasa 16A, Bukit Sentosa 3, Di Atas Sebahagian Lot 353 Dan 1729, Mukim Serendah,	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.
5.	Projek Pembesaran Kampung Desa Beringin Di atas Tapak Baru, Jalan Kampung Jawa, Batu Dua Kuala Kerling, Mukim Kerling	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd (digulung) Pelikuidasi : Jabatan Insolvensi Malaysia

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU
6.	Projek Pemberilikan Tanah Secara Terancang Di bawah Program Pembesaran Kampung Melayu Rasa Di Lot 1783, 109 Unit Rumah Banglo, Jalan Ampang Pechah, Mukim Rasa	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd. (Dibubarkan) Pelikuidasi: Jabatan Insolvency Malaysia
7.	Projek Perumahan Tanah Lot Banglo No.2527 & 2528 dan 2529 & 2530 (The Genting Valley), Jalan Desa Rening, Mukim Batang Kali	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi :CRS Advisory Sdn Bhd
8.	Projek Pembesaran Kampung Koskan, 43 Unit Rumah Banglo Setingkat, Jalan Sungai Buaya, Sungai Choh, Mukim Serendah	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi: Jabatan Insolvency Malaysia
9.	Projek Pembesaran Kampung Mukim Serendah (Serendah Perdana), 130 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Jenis A, 48 Unit Rumah Berkembar Jenis B, 40 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Jenis C, 90 Unit Rumah Banglo 1 Tingkat Jenis D, 210 Unit Rumah Banglo 1 Tingkat Jenis E, 32 Unit Rumah Banglo 1 Tingkat Jenis F, 2 Unit Pencawang Elektrik & 1 Unit Surau Bagi Program Pembesaran Kampung Di atas Tanah Kerajaan Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd. Pelikuidasi: Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn Bhd
10.	Projek Erina Heights, Mukim Ulu Yam	Tetuan Coral Vista Sdn. Bhd
11.	Projek Pembangunan Kedai Pejabat Di Bandar Bukit Beruntung (Super Taipan), 148 Unit Rumah Kedai Pejabat 4 Tingkat, HS(D)10770, Lot 3244, Mukim Ulu Yam	Tetuan Perwira Indra Sakti Sdn. Bhd. (Digulung - 20/6/2007) Pelikuidasi - HLB Ler Lum Sdn. Bhd.
12.	Projek Perumahan Di Atas Hakmilik Geran 39220, Lot 2496 Dan Geran 39221, Lot 2565, Mukim Batang Kali	Peninsular Park Sdn. Bhd. (Digulung) Pelikuidasi : En Chong Chuan Long
13.	Projek Perumahan Taman Impiana, 22 Unit Rumah Banglo Setingkat, Di Atas H.S.(M) 358, PT 671, Kampung Bharu Sejangtung, Mukim Kuala Kalumpang	Oridua Construction Sdn. Bhd.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha memberikan komitmen dalam mengatasi masalah projek terbengkalai Pembesaran

Kampung Jawa (Taman Desa Beringin).Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan melalui LPHS bagi memastikan usaha pemulihan perumahan terbengkalai dapat disiapkan adalah seperti berikut:

- i. **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi. Keahlian JPPT (Jawatankuasa Induk) adalah seperti berikut:

Bil.	Jabatan / Ahli	Catatan
1.	Y.B. EXCO Perumahan dan Kehidupan Bandar	Pengerusi
2.	Y.B. Penasihat Undang-Undang	Ahli Mesyuarat
3.	Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Ahli Mesyuarat
4.	Pembantu EXCO Perumahan Dan Kehidupan Bandar	Ahli Mesyuarat
5.	Jabatan Kerja Raya	Ahli Mesyuarat
6.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	Ahli Mesyuarat
7.	Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	Ahli Mesyuarat
8.	Pejabat Tanah Dan Daerah	Ahli Mesyuarat
9.	Pihak Berkuasa Tempatan	Ahli Mesyuarat
10.	Panel Juru Ukur Bahan	Ahli Mesyuarat
11.	Panel Jurutera	Ahli Mesyuarat
12.	Panel Penilaian	Ahli Mesyuarat
13.	Pemaju	Ahli Mesyuarat
14.	Jabatan Insolvensi Malaysia / Pelikuidasi Swasta	Ahli Mesyuarat

Bil.	Jabatan / Ahli	Catatan
15.	Jawatankuasa Pembeli / Pembeli Rumah	Ahli Mesyuarat
16.	Bank	Ahli Mesyuarat

- ii. LPHS berperanan bagi mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.
- iii. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku **“breach of contract”** maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PANEL PENASIHAT KLINIK KESIHATAN DI SELANGOR

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat mengenai status terkini Panel Penasihat Klinik Kesihatan di Selangor memandangkan ramai calon belum mendapat surat pelantikan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mendapat kelulusan dan persetujuan perlantikan Panel Penasihat Klinik Kesihatan (PPKK) dari YBMK Kementerian Kesihatan Malaysia bagi sesi 2019 – 2020 untuk 68 Klinik Kesihatan.

Bagi sesi ini jumlah keseluruhan ahli PPKK ada seramai 849 orang yang terdiri daripada:

- ahli komuniti - 692 orang
- ahli exco - 157 orang.

Berdasarkan pecahan kaum ahli PPKK, kaum melayu seramai 712 orang (83.9 %), kaum Cina seramai 67 orang (6.7%), kaum India 77 orang (9.6%) dan kaum lain-lain 3 orang (0.3 %).

Surat Lantikan dan Sijil Lantikan sebagai Panel Penasihat Klinik Kesihatan (PPKK) Negeri Selangor telah pun disampaikan/ diberikan kepada semua Panel Penasihat Klinik Kesihatan yang dilantik melalui Pejabat Kesihatan Daerah. Satu mesyuarat Panel Penasihat Klinik Kesihatan Negeri Selangor Bil. 1/2019 telah diadakan pada 21 Jun 2019 bertempat di Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Pengarah Kesihatan Negeri Selangor.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia juga dalam proses untuk menyiapkan Kad Ahli PPKK bagi sesi 2019-2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROJEK PELEBARAN JAMBATAN SUNGAI BATANG KALI
FT001/438/10**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah JKR Selangor mempunyai maklumat terkini mengenai Projek Pelebaran Jambatan Sungai Batang Kali FT001/438/10? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Nyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh JKR Hulu Selangor di lokasi tapak kerja-kerja pelebaran jambatan tersebut dilaksanakan.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah butiran dan status terkini Projek Pelebaran Jambatan Sungai Batang Kali FT001/438/10, Daerah Hulu Selangor:

Butiran Projek

Tarikh Milik Tapak	: 30 April 2018
Tarikh Siap Asal	: 29 April 2020
Harga Kontrak Semasa	: RM 21,556,299.04
Skop Kontrak	: - Membina jambatan baru dua (2) lorong dan merobohkan jambatan sedia ada. : - Menaiktaraf persimpangan : - Menaiktaraf lampu isyarat dan lampu jalan
Status Kemajuan Kerja	: Jadual = 55% / Sebenar = 32%
Kemajuan Terkini	: - Kerja-kerja tanah - Kerja-kerja cerucuk - Perobohan struktur perhentian bas

- b) Masalah-masalah yang dihadapi di tapak adalah seperti berikut:
 - i. Isu pengalihan kerja-kerja utiliti daripada pihak Telekom dan TNB yang melewati pelaksanaan projek.
 - ii. Pada peringkat awal, masalah pengambilan tanah bagi tujuan pelebaran jambatan dan telah pun diselesaikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : CUKAI TAKSIRAN PBT

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kali terakhir kenaikan cukai taksiran di setiap PBT di Selangor.
- b) Nyatakan kaedah yang digunakan untuk menentukan Anggaran Sewa Kasar Sebulan dan seterusnya membentuk nilai tahunan di setiap PBT.
- c) Nyatakan fungsi-fungsi nilai tahunan yang ditentukan oleh PBT selain daripada untuk pengiraan cukai taksiran.

JAWAPAN:

- a) Perubahan pada aras tahun nilai akan menyebabkan berlakunya kenaikan pada cukai taksiran di PBT Negeri Selangor. Berikut perincian tahun nilai mengikut PBT di Negeri Selangor:

PBT	Aras Tahun Nilai
MBSA	2006
MBPJ	1992
MPK	1993
MPAJ	1997
MPSJ	1992&1996
MPS	1992
MPKj	1985
MPSp	1996
MDKL	1987
MDKS	1997
MDHS	1996
MDSB	1986

- b) Kaedah yang digunakan untuk menentukan Anggaran Sewa Kasar Sebulan adalah merujuk kepada Seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) iaitu anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi setahun ke setahun jika pegangan tersebut disewakan. Bagi menentukan anggaran sewaan sesuatu pegangan, PBT akan membuat kajian perbandingan kadar sewaan setara dikawasan tersebut serta merujuk kepada kadar sewaan pasaran yang boleh diperolehi melalui pelbagai sumber termasuk Laporan Penilaian Harta yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC).

- c) Selain sebagai penentuan cukai taksiran, nilai tahunan juga digunakan oleh Indah Water Konsortium bagi pengiraan caj pembentungan di PBT Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : ENAKMEN MENGAWAL LEMBU-KERBAU 1971

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Seksyen-seksyen di bawah Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 yang digubal pada tahun 1971 pernah buat pindaan? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membuat pindaan untuk membolehkan Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 lebih berkesan menangani isu lembu berkeliaran di jalan raya atau taman perumahan? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

a) dan b)

Setakat ini Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan khusus bagi membuat pindaan Seksyen-seksyen dan Enakmen Mengawal Lembu- Kerbau 1971.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarikat-syarikat yang menerbitkan buku-buku modul Pusat Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) untuk tahun 2019.
- b) Apakah nilai kontrak penerbitan buku yang telah dipersetujui?
- c) Bilakah *request for proposal* (RFP) untuk penerbitan buku modul tahun 2020 akan dibuka?

JAWAPAN:

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM), SUK